

11/05/2000

Undilah demi kepentingan Umno: Pak Lah

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap perwakilan Umno memilih barisan pemimpin berdasarkan kepentingan parti, kerana pemilihan yang diadakan adalah untuk kemenangan parti.

"Kita menyerahkan segala-galanya kepada ahli-ahli Umno... saya percaya ahli Umno sudah lama berjuang, sudah matang dan bijak dan boleh menentukan apa yang baik untuk Umno.

"Harapan saya mereka akan mengundi untuk Umno dan kerana Umno," katanya pada selepas merasmikan secara serentak perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Abdullah yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti ditanya mengenai tindakan Umno sekiranya harapan pucuk pimpinan parti supaya perwakilan memilih barisan pemimpin yang benar-benar bersih dan baik tidak tercapai.

Beliau percaya harapan itu yang juga sering disuarakan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat direalisasikan pada Perhimpunan Agung Umno kali ini.

Mengenai nasihatnya supaya pergerakan Pemuda dan Wanita Umno mendekati golongan bawahan, Abdullah berkata golongan ini perlu dibawa bersama ke dalam barisan perjuangan Umno.

Katanya, ahli Umno perlu memahami masalah, harapan dan aspirasi golongan ini bagi menjadikan perjuangan parti untuk memartabatkan bangsa lebih bermakna.

"Apa yang penting ialah kita memahami apa yang menjadi keperihatinan mereka. Berasas kefahaman ini, kita boleh membawa mereka ke dalam perjuangan kita," katanya.

Abdullah, yang akan secara rasmi diumumkan sebagai Timbalan Presiden Umno pada perhimpunan agung parti esok apabila menang tanpa bertanding, berkata Pemuda perlu menjadi barisan hadapan dalam tugas itu.

(END)